

05 JUN 2001

Mahathir-buku

DR MAHATHIR CADANG PERKARA MENARIK MENGENAI MALAYSIA DIDOKUMENKAN

PUTRAJAYA, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya lebih banyak perkara menarik mengenai Malaysia didokumenkan bagi membantu rakyat faham mengenai sejarah.

Perdana Menteri berkata satu daripada masalah yang dihadapi oleh negara ialah tidak ramai orang tahu tentang sejarah.

"Sejarah mempunyai banyak pengajaran dan mereka yang tidak tahu sejarah lazimnya akan berulang kali membuat kesilapan," katanya ketika melancarkan buku bertajuk "The Propagation of Islam in the Indonesian-Malay Archipelago".

Buku itu disunting dan diulas oleh pengerusi Institut Penyelidikan Sosial Malaysia (MSRI) Dr Alijah Gordon.

Buku 500 muka surat berkulit tebal itu berharga RM120 senaskhah.

Dr Mahathir juga berkata Islam tidak mungkin datang ke Malaysia jika tidak kerana orang Arab dan Muslim dari India dan Cina yang merupakan pelayar hebat.

"Mereka tahu semuanya tentang angin, arus dan kedudukan ketika mereka belayar," katanya.

Perdana Menteri berkata mereka ini memajukan diri dalam bidang pelayaran dengan begitu baik sehingga mampu mengembara beribu-ribu batu dengan dibantu hanya beberapa peralatan.

"Islam banyak terhutang budi kepada kemampuan pelayaran golongan ini," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, beliau berharap umat Islam akan faham tentang pentingnya untuk belajar bidang pelayaran.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI